

**TEKS UCAPAN**  
**PROFESOR DATUK WIRA DR RAHA ABDUL RAHIM**  
**NAIB CANSELOR**

---

**PROGRAM HI-TEA DAN PENUTUP HARI AKADEmia 2019 PERINGKAT**  
**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)**

13 November 2019, Rabu

2.30 petang, Bilik Jamuan Bilik Mesyuarat Utama, Canselori

Terima kasih tuan pengacara majlis,

**Yang Berbahagia Profesor Datuk Teknologis Dr. Mohd Razali bin Muhamad**

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

**Yang Berbahagia Profesor Dr. Zulkifilie bin Ibrahim**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

**Yang Berbahagia Profesor Madya Dr. Nurulfajar Bin Abd Manap**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Penolong- Penolong Naib Canselor,

## **Yang Berbahagia Prof. Dr. Badrul Hisham bin Ahmad**

Presiden UTeMASA

Mantan Rektor dan Naib Canselor UTeM, Pegawai-Pegawai Kanan Universiti, Ahli UTeMASA, hadirin dan hadirat sekalian.

1. Alhamdulillah, pertama sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada UTeMASA kerana memberi peluang untuk saya untuk berucap pada program petang ini – Program Hi Tea bersempena penutupan Hari Akademia 2019 peringkat UTeM.
2. Sepertimana yang diketahui umum, tarikh 5 Oktober setiap tahun telah diiktiraf sebagai Hari Akademia oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, bagi menghargai jasa dan sumbangan seluruh kakitangan akademik di

pelbagai peringkat pengajian lepasan sekolah di negara ini. Bulan Oktober juga turut diperkenalkan sebagai bulan akademia bagi menyemarakkan lagi sambutan hari akademia di Negara ini.

3. Seharusnya, penutup sambutan Hari Akademia peringkat Universiti ini perlu diadakan pada penghujung Oktober. Namun, difahamkan pihak UTeMASA tetap mahukan Naib Canselor sendiri untuk menghadiri majlis penutup ini. Maka di atas faktor kesibukan dan kepadatan jadual, Alhamdulillah, majlis penutupan hari akademia ini berjaya diadakan pada hari ini, walaupun telah melewati ke pertengahan bulan November.

4. Namun begitu, apa yang penting, adalah semangat berterusan yang disematkan di dalam diri kita semua, dalam memperkasakan lagi peranan ahli akademik Universiti, yang lebih cemerlang dan gemilang.

**Hadirin dan Hadirat sekalian,**

5. Sambutan Hari Akademia merupakan platform terbaik yang dapat merapatkan ukhwah antara ahli akademik bersama semua pihak, selain dapat kita semua memahami, betapa besarnya tanggungjawab, peranan dan pengorbanan yang diberikan oleh seluruh warga pendidik dan ilmuwan ini dalam melonjakkan lagi kecemerlangan pendidikan di negara ini.

6. Selaras dengan tema Hari Akademia pada tahun ini, iaitu Akademia Bersama Masyarakat, diharapkan ahli akademik semua, dapat terus memberikan lebih banyak sumbangan yang terbaik, sekaligus menjadi ejen pelengkap terhadap ekosistem akademia, industri dan masyarakat, yang akhirnya memberikan kesejahteraan dan kebaikan kepada kita semua.
  
7. Saya amat yakin, menerusi keperibadian yang unggul, ahli akademik UTeM mampu menghasilkan lebih banyak idea yang kreatif dan inovatif, berupaya menjadi penyumbang solusi atau *solution providers*, secara langsung menyumbang terhadap kejayaan Universiti ini dalam merealisasikan hasrat murni yang telah ditetapkan.

8. Insya Allah, menerusi keazaman dan semangat tinggi, setiap warga akademik UTeM, hasrat kita untuk melahirkan lebih ramai cendekiawan teknologi atau Technology Scholars dapat direalisasikan, secara langsung menjayakan aspirasi Universiti menerusi konsep TUNAI atau Technology at University Advancing Industry and Society.

**Hadirin dan Hadirat sekalian,**

9. Akhir kata, bagi pihak pengurusan Universiti, saya ingin mengajak tuan-tuan dan puan-puan sekalian, khususnya UTeMASA sendiri untuk menjadi penghubung terbaik antara semua ahli akademik dan pengurusan tertinggi universiti dalam menjayakan agenda kecemerlangan Universiti ini sama ada dalam bidang akademik, penyelidikan, pembangunan siswa dan sebagainya.

10. Sesungguhnya, masa depan Universiti ini banyak bergantung kepada usaha dan kecemerlangan warganya, yang sentiasa progresif, berfikiran jauh, kreatif dan inovatif serta melaksanakan segala amanah dan tanggungjawab yang diberikan dengan penuh keikhlasan dan dedikasi.

Pulang pemburu dengan riangnya,  
Dapat menghambat si anak rusa,  
Berjuang pendidik dengan ilmunya,  
Menobat martabat si anak bangsa.

Sekian *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wrt. wbt.* Terima kasih.